

**Kedai Rakyat 1Malaysia Ringankan Beban Rakyat
Bernama
August 07, 2011
Oleh Nadia Jumri**

PETALING JAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Meskipun menetap di Sungai Buloh, Siti Fatimah Atuk Hudi sanggup ke Kelana Jaya untuk mengunjungi Kedai Rakyat 1Malaysia di sini bagi mencari barang keperluan anak-anaknya.

Siti Fatimah, 44, yang mengetahui kewujudan kedai tersebut yang terletak di kawasan LRT Kelana Jaya melalui televisyen mendapati barang keperluan yang ditawarkan di kedai itu pada harga yang berpatutan berbanding harga kebiasaan.

Bagi suri rumah itu, inisiatif kerajaan mewujudkan kedai seumpama itu mampu meringankan kos perbelanjaan keluarganya terutama dalam pembelian barangan untuk anak-anaknya seperti susu dan lampin.

"Mana tidaknya, sebelum ini beli barang keperluan sahaja sudah mencecah RM300, sekarang dapatlah kurang dalam RM40 hingga RM50, memandangkan anak masih kecil, jadi macam-macam perlu disediakan," katanya.

Pengunjung kali pertama, Jamilah Mohammed yang terdorong untuk 'meninjau' kedai itu selepas mendapat maklumat mengenainya melalui televisyen mengakui barang yang dijual di kedai itu murah.

Meskipun kedai itu sesak dengan pembeli ketika Jamilah, 59, membuat tinjauan ke premis tersebut hari ini, ia tidak akan mematahkan semangatnya untuk kembali.

"Boleh dikatakan barang di sini dijual dengan harga yang murah tetapi terhad kepada barang yang berlogo 1Malaysia sahaja.

"Tetapi yang bagusnya barang keperluan asas seperti beras, susu, telur dan sebagainya boleh dibeli dengan harga serendah 10 hingga 20 peratus daripada harga asal," kata pesara kerajaan yang menetap di Sungai Besi.

Habibah Kamarudin, 28, berkata beliau mengetahui tentang kedai tersebut ketika menunggu kakaknya di stesen LRT berkenaan.

"Barang dekat sini memang murah, harganya berpatutan, dan banyak pilihan, cuma kalau kedai ini boleh diperbesarkan lagi bagus sebab terlalu ramai yang datang," kata pekerja sektor swasta itu.

Gregory Chee, 19, pelajar dari sebuah kolej berhampiran berkata harga susu segar dan susu kocak jauh lebih murah iaitu kurang kira-kira RM1.00 berbanding di tempat lain.

"Ia membantu mengurangkan beban terutama bagi pelajar seperti saya," katanya.

Seorang pelajar universiti, Ahmad Awang, 23, berkata beliau dan keluarganya menyangkakan Kedai Rakyat 1Malaysia ini besar dan boleh memuatkan sejumlah pengunjung yang ramai.

"Ingatkan kedai ini besar, tapi apapun harga yang tertera memang boleh tahan murah nya berbanding di pasar raya lain cuma stok barang keperluan asas ini kurang dan cepat habis," katanya.

"Kos pembelian barang keperluan harian keluarga sekarang dapat kurang sikit, cuma mencecah RM180 berbanding RM200 lebih sebelum ini," katanya.

Kedai Rakyat 1Malaysia di stesen Kelana Jaya dibuka setiap hari dari 7 pagi hingga 11 malam.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606499>